



**Majlis Peguam  
Bar Council Malaysia**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

Wisma Badan Peguam Malaysia  
2 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2050 2050  
Fax : +603-2050 2019  
Email : [council@malaysianbar.org.my](mailto:council@malaysianbar.org.my)

**Circular No 061/2021  
Dated 11 Feb 2021**

To Members of the Malaysian Bar

### **Stamp Duty Exemption for A Labuan Entity**

We have received a letter from Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (“LHDN”) informing us of its checklist of documents to be submitted to LHDN for a Labuan entity to enjoy exemption of stamp duty for certain instruments being executed.

Starting from **1 Feb 2021**, every application for assessment of stamp duty for a Labuan entity has to be done by submitting it to the Labuan branch via the online STAMPS system.

Please click [here](#) (see pages 2 and 3) to view the letter from LHDN and the relevant checklist.

Thank you.

**Nitin Kumar Gordhan and Chiah Kim Chai**  
**Co-Chairpersons**  
**Conveyancing Practice Committee**



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA,  
JABATAN OPERASI SETEM & CKHT  
ARAS 15, MENARA HASIL,  
PERSIARAN RIMBA PERMAI,  
CYBER 8, 63000  
CYBERJAYA SELANGOR

Telefon: 03-83138888  
FAX: 03-83137855  
<http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : LHDN.BA.B.600-1/5/5  
Tarikh : 29 Januari 2021

Presiden  
Majlis Peguam Malaysia  
No. 15, Leboh Pasar Besar  
50050 City Centre, Kuala Lumpur.

Tuan,

### LAYANAN PENYETEMAN SURAT CARA YANG DISEMPURNAKAN OLEH SESUATU ENTITI LABUAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, duti ke atas semua surat cara yang berkaitan dengan Entiti Labuan adalah dikecualikan mengikut peruntukan P.U.(A) 268/2012. Walau bagaimanapun bagi melayakkan syarikat menikmati pengecualian tersebut, syarikat perlu memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah P.U.(A) 268/2012, P.U.(A) 177/2020 dan SR P.U.(A) 392/2018 untuk dikategorikan sebagai Entiti Labuan.

3. Sehubungan dengan itu, permohonan bagi semua surat cara yang berkaitan Entiti Labuan perlu dikemukakan ke Pejabat Setem Cawangan Labuan melalui Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) mulai **01 Februari 2021**. Surat cara tersebut akan ditaksir oleh Pejabat Setem Cawangan Labuan. Dilampirkan senarai semak dokumen permohonan pengecualian ke atas surat cara yang disempurnakan oleh Sesuatu Entiti Labuan (Lampiran A).

4. Selaras dengan saranan kerajaan bagi menggalakkan digitalisasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan khususnya kepada pembayar duti, permohonan bagi semua jenis penyeteman perlu dikemukakan melalui STAMPS sepenuhnya mulai 01 Julai 2021. Permohonan ID STAMPS boleh dibuat di <https://stamps.hasil.gov.my>.

Kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

[ AZALINA BINTI HAMDY ]

Pengarah

Jabatan Operasi Setem & CKHT

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**HASIL**

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

**SENARAI SEMAK "SUBSTANCE REQUIREMENTS" P.U.(A) 392/2018 UNTUK  
PENGECUALIAN DUTI SETEM SURATCARA ENTITI LABUAN DI BAWAH  
P.U.(A) 268/2012**

	<b>Tandakan (√)</b>
<b>1. Maklumat Syarikat</b>	
• Pendaftaran Syarikat dari Labuan Financial Services Authority (LFSA) / Form 7	<input type="checkbox"/>
• <i>Structure Company (leasing)</i>	<input type="checkbox"/>
• Surat Pengesahan syarikat beroperasi dalam tahun semasa dari LFSA	<input type="checkbox"/>
• Borang E (jika tiada daftar E)	<input type="checkbox"/>
<b>2. Maklumat Pekerja</b>	
• Surat pelantikan pekerja	<input type="checkbox"/>
• Dokumen potongan KWSP/PERKESO terkini	<input type="checkbox"/>
• Penyata pendapatan tahunan (EA form)	<input type="checkbox"/>
• Penyata saraan daripada penggajian, tuntutan potongan dan maklumat mengenai potongan cukai di bawah kaedah-kaedah cukai pendapatan (C.P. 8D)	<input type="checkbox"/>
• Carta organisasi (dokumen sokongan pengesahan pekerja dalam kapasiti pengurusan – rujuk perenggan iii Labuan Investment Committee 1-2019)	<input type="checkbox"/>
<b>3. Perbelanjaan</b>	
• Bil utiliti terkini (elektrik/air)	<input type="checkbox"/>
• Perbelanjaan sewa pejabat (rujuk syarat Seksyen 2B Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (LBATA) dan P.U.(A) 392/2018)	<input type="checkbox"/>
<b>4. Lain – Lain Dokumen Sokongan</b>	
• Dokumen pembuktian pekerja berada di Labuan untuk syarat Full Time Employment (FTE) /Seksyen 2B LBATA /P.U.(A) 392/2018	<input type="checkbox"/>